



# Buletin BKSU

## UNIT PERANCANG EKONOMI



Bil 1/2011– Mac 2011

<http://www.intranetepu.gov.my/bksu>



Setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Y. Bhg. Datuk Himmat Singh a/l Ralla Singh, Timbalan Ketua Pengarah II, Unit Perancang Ekonomi yang telah dianugerahkan darjah kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W) yang membawa gelaran 'Datuk' oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sempena Hari Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 2011.

### Tahniah! Penarafan 5 Bintang Laman Web UPE

Tahniah diucapkan kepada UPE kerana telah menerima sijil penarafan 5 bintang di majlis penyampaian Anugerah Prestasi Cemerlang *Malaysia Government Portals And Websites Assessment 2010* baru-baru ini. Majlis penyampaian anugerah ini telah diadakan pada 11 November 2010 bertempat di Hotel One World Damansara. Y. Bhg. Datuk Himmat Singh a/l Ralla Singh, Timbalan Ketua Pengarah II UPE telah menerima anugerah ini bagi pihak UPE.



### Majlis Malam Jasamu Dikenang

Malam Jasamu Dikenang telah diadakan bagi meraikan pegawai dan staf UPE yang telah bersara bagi tahun 2010 dan awal 2011. Majlis ini telah diadakan pada 21 Disember 2010 bertempat di Hotel Equatorial, Bangi, Selangor. Pegawai – pegawai bersara yang diraikan adalah Y. Bhg. Datuk Muzahet bin Masruri, Y. Bhg. Dato' Dr. Kamarulzaman bin Abdul Ghani, Ir. Ismael bin Md Diah, En. Muthusamy a/l Suppiah, En. Ab. Hamid bin Taib, En. Kamaruddin bin Mohd Yaakob, Puan Maimon binti Abdul Ghani, Cik Habibah binti Sufyan, Puan Norah binti Padidin, Puan Sadiyah binti Ibrahim, Puan Zaiton binti Abu Bakar, Puan Abidah binti Othman dan Puan Zaleha binti Lajis. *bersambung di muka surat 3....*



#### Menarik di dalam

|  |   |                              |      |
|--|---|------------------------------|------|
| Dari Meja Ketua Pengarah                 | 2 | Aktiviti-aktiviti Sukan BKSU | 5-7  |
| Sekapur Sireh Dari Y. Brs. Tuan Presiden | 2 | Puspanita UPE                | 9-10 |
| Mesyuarat Agung BKSU 2010                | 4 | Perkahwinan dan Kelahiran    | 11   |

*Dari Meja Ketua Pengarah*

Assalamualaikum dan salam sejahtera.



Alhamdulillah, syukur kehadiran Illahi kerana dengan limpah kurniaNya pada tahun 2010 kita berjaya menyiapkan dokumen RMKe-10 dan perakuan projek pembangunan bagi *rolling plan* pertama. Terima kasih saya ucapkan kepada semua pegawai dan staff UPE yang terlibat. Namun, banyak lagi perlu dibuat terutama untuk memastikan inisiatif, program dan projek RMKe-10 dilaksana sebagaimana dirancang.

Walaupun dalam kesibukan penyediaan RMKe10, pelbagai aktiviti riadah telah juga dijalankan oleh BKSU untuk faedah ahli. Saya ucapkan terima kasih kepada barisan BKSU 2008-2010 di atas inisiatif yang telah dilaksanakan. Saya juga ucapkan tahniah kepada barisan baru BKSU 2010-2012, yang menyaksikan lebih ramai penglibatan pegawai muda dan kumpulan sokongan agar dapat memainkan peranan sebagai penggerak utama kepada aktiviti BKSU.

Saya bangga BKSU telah berjaya menarik lebih ramai warga UPE untuk menjadi ahli dan kini mencecah 72% daripada warga UPE. Malah, saya menyeru semua warga UPE menjadi ahli agar dapat menyumbang dan menyertai aktiviti yang dilaksanakan oleh BKSU terutama bagi mengeratkan perpaduan, keceriaan berkerja serta meningkatkan semangat kesukanan di UPE. Syabas kepada pemain-pemain UPE yang berjaya di peringkat JPM dan juga kepada pasukan yang menjuarai acara sukan seperti futsal, bola tampar dan badminton.

Harapan saya agar BKSU dapat mengatur pelbagai program dan aktiviti bagi mengeratkan hubungan silaturrahim antara warga UPE dan keluarga serta menyemarakkan semangat bekerja sebagai satu pasukan.

Akhir kata, organisasi yang cemerlang bermula daripada warga kerja yang cemerlang bukan hanya dalam kerjanya tetapi hubungan kekeluargaan antara sesama warga juga.

Sekian, wassalam.

Noriyah binti Ahmad  
Ketua Pengarah

*Sekapur Sireh Dari Y. Brs. Tuan Presiden*

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Terima kasih saya ucapkan kepada sidang pengarang Buletin BKSU kerana memberi sedikit ruang kepada saya untuk memberi sepatah dua kata di dalam buletin keluaran kali ini.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah memberi kepercayaan kepada saya dan semua AJK baru bagi menerajui dan menggalas tugas sebagai penggerak BKSU bagi sesi 2010 – 2012. InsyaAllah saya bersama-sama ahli Jawatankuasa BKSU yang baru akan menggandakan usaha untuk mengiatkan lagi aktiviti BKSU yang dirancang untuk manfaat seluruh warga UPE. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Presiden dan ahli Jawatankuasa BKSU tahun 2008-2010 dan warga UPE yang telah sama-sama menjayakan aktiviti BKSU sepanjang 2008 hingga pertengahan 2010.

BKSU telah merancang untuk mengadakan pelbagai aktiviti 2011-2012 yang menarik untuk warga UPE bagi memastikan ukhuwah yang sedia terjalin semakin kukuh. Adalah diharapkan, melalui aktiviti-aktiviti ini, warga UPE dapat mengimbangi kerja-kerja pejabat dengan waktu untuk beriadah terutama di luar waktu pejabat. Bagi awal tahun 2011, karnival sukan BKSU telah diteruskan dengan acara bola jaring dan badminton sebagai tambahan kepada perlawanan antara pasukan bagi futsal dan bola tampar yang diadakan pada akhir 2010. Aktiviti senamrobik turut diadakan setiap hari Selasa iaitu selaras dengan amalan penerapan gaya hidup sihat. BKSU juga sedang membuat persiapan untuk mengadakan Hari Keluarga UPE bagi tahun 2011 di samping beberapa aktiviti lasak – *white water rafting*, kelab basikal serta program untuk anak-anak warga UPE seperti kelas renang dan kem motivasi pelajar. Justeru, seluruh warga UPE dialu-alukan untuk sama – sama menjayakan semua aktiviti yang telah dirancang.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y.B. Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y.B. Dato' S.K. Devamany, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Y.Bhg. Dato' Noriyah Ahmad, Ketua Pengarah UPE (Penaung BKSU) atas sokongan dan dorongan yang diberikan bagi menjayakan aktiviti BKSU. Sokongan Y.B. Menteri, Y.B. Timbalan Menteri dan Pengurusan UPE adalah amat bermakna dalam menjayakan aktiviti BKSU. Semoga BKSU terus dapat menyumbang ke arah kesejahteraan warga UPE.

Sekian, wassalam.

Y.Brs Tuan Haji Allauddin bin Anuar  
Presiden BKSU



...bersambung dari muka surat 1..

Selain itu, majlis juga turut meraikan pegawai-pegawai yang bertukar keluar dari UPE, mereka adalah Y.Bhg. Datuk Dr. Rosli bin Mohamed, Dr.Chua Hong Teck, Dr. Mohamad Isa bin Hussain, Y.Bhg. Datuk Dr. Noor Azlan bin Ghazali, Y.Bhg. Dato' Hajjah Zuraidah binti Hj. Muhamad, Dr. Asan Ali bin Golam Hassan @ Mohammad, Dr.

Aminuddin bin Hassim, En. Amir bin Omar, Cik Sazalina binti Kamaruddin dan Dr. Mazalan bin Kamis. Majlis ini telah dihadiri oleh Y.B. Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y.B. Dato' S.K Devamany a/l Krishnasamy, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta Y. Bhg. Dato' Noriyah Ahmad, Ketua Pengarah UPE. Majlis ini juga turut dimeriahkan dengan kehadiran pegawai – pegawai kanan, para pegawai dan staf UPE.



## JAWATANKUASA KECIL EKONOMI BKSU

Dari bulan November 2010 hingga Januari 2011, Jawatankuasa Kecil Ekonomi BKSU telah menjalankan aktiviti menyewa tapak kepada peniaga pada hari jualan setiap hari Rabu di Kantin UPE, Blok B6. Lebih kurang 7 orang peniaga telah menjalankan perniagaan mereka di situ dengan kadar sewa serendah RM15 hingga RM25 sehari.

Berikutan dengan kerja-kerja pengubahsuaian kantin di Aras -1, Blok B6 sejak Januari 2011, JKKE Biro Ekonomi BKSU juga telah menawarkan sewa tapak pada penjual sementara bagi memudahkan pegawai dan kakitangan UPE untuk bersarapan pagi dan juga makan tengahari. Kadar sewa yang dikenakan adalah RM10 untuk penyediaan makan pagi dan RM15 untuk makan tengahari. Kadar sewa yang rendah ini adalah bagi membolehkan penjual sementara ini memberikan harga yang berpatutan kepada semua pembeli.



Pada setiap hari Jumaat (kecuali 2 minggu hari gaji) terdapat jualan di Pasar Tani Blok B6 yang diadakan untuk menambah dana pendapatan kelab. Antara barangan yang dijual seperti perenchah, baju kanak-kanak berjenama, barangan pinggan mangkuk Ajojaya, pinggan mangkuk Menang, tudung, cadar dan lain-lain lagi. Adalah diharapkan agar semua pegawai dapat memberi sokongan kerana 20% hasil keuntungan akan dimasukkan ke dalam tabung kelab.

BKSU akan mengedarkan risalah mengenai jualan barang-barangan pada setiap bulan melalui e-mail bagi merangsangkan lagi pendapatan kelab.



### *Dalam Kenangan... Allahyarham Saidin bin Ariffin*

Pada 1 Februari 2011, Allahyarham Saidin bin Ariffin telah kembali ke rahmatullah di kediaman beliau di Presint 9, Putrajaya. Allahyarham dilahirkan di Sungai Manik, Perak pada 4 Februari 1957. Beliau telah berkhidmat di Unit Perancang Ekonomi sejak 15 April 1981 sebagai Juruteknik Rendah. Beliau meninggalkan seorang balu dan 3 orang anak. Segala sumbangan dan jasa baik beliau akan terus diingati dan kehilangan beliau merupakan satu kehilangan. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman. InsyaAllah..Al-Fatihah...

## MESYUARAT AGUNG BKSU 2010

Mesyuarat Agung Badan Kebajikan & Sukan (BKSU) telah diadakan pada 15 Oktober 2010 (Jumaat) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 6, Blok B6 Unit Perancang Ekonomi. Mesyuarat kali ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Dato' Noriyah Ahmad selaku Ketua Pengarah UPE. Pemilihan Jawatankuasa Kerja yang baru bagi sesi 2010-2012 telah dijalankan di dalam mesyuarat kali ini. Di samping itu, mesyuarat juga telah melantik dua orang Juruaudit Dalaman.

### Ahli Jawatankuasa Induk Sesi 2010 - 2012



**Y.Brs Tuan Haji Allauddin bin Anuar**  
Jawatan : Presiden



**En. Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din**  
Jawatan : Timbalan Presiden merangkap  
Pengerusi Jawatankuasa Kecil Agama



**En. Ahmad Farid bin Ahmad**  
Jawatan : Setiausaha



**Cik Norzalizah Kartika binti Abdullah**  
Jawatan : Penolong Setiausaha



**Cik Halimaton binti Ishak**  
Jawatan : Bendahari




**En. Hadrian Numpang Hollis Awell \***  
Jawatan : Pengerusi Jawatankuasa Kecil Sosial



**Puan Mashitoh binti Darus**  
Jawatan : Pengerusi Jawatankuasa  
Kecil Penerbitan



**Puan Norhaya binti Md. Zin**  
Jawatan : Pengerusi Jawatankuasa  
Kecil Kebajikan



**Puan Yustinanitar binti Ariffin**  
Jawatan : Pengerusi Jawatankuasa  
Kecil Ekonomi



**En. Mohd Yusoff bin Kamarudin**  
Jawatan : Pengerusi Jawatankuasa Kecil Sukan



**Cik Therese Tiu Kok Moi**  
Jawatan : Ahli Jawatankuasa



**En. Sirlan a/l Palanisamy \***  
Jawatan : Ahli Jawatankuasa



**En. Wayne Kalang**  
Jawatan : Ahli Jawatankuasa



**En. Mohamed Fadillah bin Ahmad**  
Jawatan : Ahli Jawatankuasa



**En. Basri bin Mikon**  
Jawatan : Ahli Jawatankuasa



**En. Zainuddin Ahmadun**  
Jawatan : Ahli Jawatankuasa



**En. Atan bin Sapian**  
Jawatan : Juruaudit



**Puan Nor Asmah binti Abdul Rani Udin**  
Jawatan : Juruaudit

\*\* Walaubagaimanapun, En. Hadrian dan En. Sirlan telah dipinjamkan ke Talent Corporation sejak Feb 2011

# AKTIVITI-AKTIVITI SUKAN BKSU, UPE

## Pertandingan Badminton, Jabatan Perdana Menteri

Pertandingan Badminton, Jabatan Perdana Menteri telah diadakan pada 13-14 November 2010 bertempat di Dewan Serbaguna Kuarters KLIA, Nilai, Negeri Sembilan. Buat pertama kalinya pasukan UPE telah berjaya melangkah ke Peringkat Suku Akhir dengan mengalahkan pasukan BPA 'A', JPA 'B' dan KPKK. Walau bagaimanapun kemaraan pasukan UPE telah disekat oleh pasukan Audit 'A' di peringkat Suku Akhir.



## Perlawanan Persahabatan Boling Jemputan TNB

Seramai 20 orang ahli BKSU termasuk 3 orang VIP telah menyertai acara ini yang telah diadakan di Sunway Pyramid, Bandar Sunway. Jemputan pihak TNB ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan baik di antara warga TNB dengan warga UPE khususnya. Perlawanan telah diadakan secara campuran berpasukan dan diakhiri dengan jamuan tengahari.



## Pertandingan Futsal

Pertandingan Futsal Antara Rumah telah dirasmikan oleh Presiden BKSU di gelanggang Futsal, Puspanitapuri. Turut hadir adalah pegawai-pegawai kanan UPE sebagai tanda sokongan. Bersempena dengan itu juga, Karnival Sukan Antara Rumah BKSU telah dilancarkan. Sambutan baik dari para pemain dan penyokong Rumah



Bendahara, Rumah Temenggung, Rumah Laksamana dan Rumah Syahbandar sungguh menggalakkan.



### Keputusan Perlawanan:

- Johan : Rumah Syahbandar
- Naib Johan : Rumah Temenggung
- Tempat Ketiga : Rumah Bendahara
- Tempat Keempat : Rumah Laksamana

### Pertandingan Bola Tampar Lelaki & Wanita

Pertandingan Bola Tampar Lelaki dan Wanita telah diadakan di gelanggang Puspanitapuri dan ternyata mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari warga UPE. Pertandingan telah berjalan dalam suasana yang sungguh ceria di samping setiap pasukan bertarung untuk dinobatkan sebagai pasukan terbaik.



Keputusan Perlawanan:

**Berpasukan Lelaki**

- Johan : Rumah Temenggung
- Naib Johan : Rumah Syahbandar
- Tempat Ketiga : Rumah Bendahara
- Tenpat Keempat : Rumah Laksamana

**Berpasukan Wanita**

- Johan : Rumah Laksamana
- Naib Johan : Rumah Temenggung
- Tempat Ketiga : Rumah Bendahara
- Tenpat Keempat : Rumah Syahbandar



### Pertandingan Badminton Antara Rumah Sukan BKSU 2011



Pada 26.02.2011, Pertandingan Badminton Antara Rumah Sukan telah diadakan di Dewan Badminton Pusat Latihan Petronas, Sungai Merab, Bangi bermula jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 12.30 tengahari. Pertandingan turut disaksikan oleh seramai lebih 100 orang warga UPE termasuk penyokong dan pemain dari Rumah Sukan Bendahara, Temenggung, Laksamana dan Syahbandar. Persaingan telah berlangsung dengan sengit namun kesemua pasukan telah mempamerkan semangat kesukanan yang tinggi.


Keputusan perlawanan:

- Johan : Rumah Laksamana
- Naib Johan : Rumah Bendahara
- Tempat Ketiga : Rumah Temenggung
- Tempat Keempat : Rumah Syahbandar

# KELAB RENANG ANJURAN BKSU


| Bil | Hari   | Peserta                              | Tempat                                  | Waktu   |
|-----|--------|--------------------------------------|---|---|
| 1.  | Jumaat | Wanita Sahaja                        | Kolam Renang Pusat Kejiranan Presint 16 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• sesi 1 : 01.00 ptg - 02.00 ptg</li> <li>• sesi 2 : 02.00 ptg - 03.00 ptg</li> </ul>  |
| 2.  | Sabtu  | Kanak-kanak / Wanita / Lelaki Dewasa |   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• sesi 1 : 11.00 pagi - 12.00 tgh</li> <li>• sesi 2 : 03.00 ptg - 04.00 ptg</li> <li>• sesi 3 : 04.00 ptg - 05.00 ptg</li> </ul> |
| 3.  | Ahad   | Kanak-kanak / Wanita / Lelaki Dewasa |   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• sesi 1 : 03.00 ptg - 04.00 ptg</li> <li>• sesi 2 : 04.00 ptg - 05.00 ptg</li> </ul>  |

- Penyertaan** : Terbuka Kepada Semua Ahli BKSU, UPE, JPM dan Ahli Keluarga mereka  
**Umur** : 5 tahun - 65 tahun  
**Yuran Penyertaan** : RM 70 seorang (setiap 4 sesi) —(Setelah diskaun RM10 daripada kadar biasa)  
**Hari** : Sabtu/Ahad  
**Tempat** : Kolam Renang Presint 16, Putrajaya  
**Pakaian** : Pakaian Renang (ada dijual oleh *instruktur*)



## Fakta tentang renang:

- Menggunakan hampir kesemua kumpulan otot utama, jantung dan paru-paru
- Membina kekuatan dan ketahanan otot dan memperbaiki postur dan kelenturan tubuh
- Bermanfaat kepada golongan yang mempunyai berat badan berlebihan, ibu hamil dan golongan yang bermasalah di bahagian kaki dan belakang
- Sukan yang baik bagi semua golongan umur
- Memberikan manfaat aerobik seakan-akan berlari
- Tidak memberi tekanan pada tisu seperti berlari, aerobik dan sukan angkat berat
- Sukan yang paling selamat daripada kecederaan



## KEAHLIAN BKSU

Agenda pertama Jawatankuasa Kerja (JKK) BKSU yang baru dilantik adalah menarik lebih ramai warga UPE untuk menjadi ahli BKSU. Ini adalah bagi memeriahkan pelbagai aktiviti yang akan dianjurkan oleh BKSU. Oleh itu, dalam mesyuarat pertama JKK BKSU, satu unit *ad-hoc* telah diwujudkan bagi mengemaskini senarai keahlian serta menjalankan program bagi meningkatkan keahlian BKSU.

Unit *ad-hoc* ini telah mengadakan perjumpaan dengan pegawai tadbir seksyen (PTS) pada 15 Disember 2010 bagi membincangkan senarai keahlian daripada setiap seksyen. Kerjasama padu daripada semua PTS dalam mempromosikan BKSU telah meningkatkan peratusan keahlian daripada 56% pada awal November 2010 kepada 72% daripada 541 warga UPE pada 28 Februari 2011.

Daripada sejumlah 389 orang ahli BKSU tersebut juga, 54% adalah kakitangan sokongan dan selebihnya pegawai. Ini menunjukkan majoriti kakitangan sokongan telah memilih menyertai BKSU berbanding pegawai walaupun bilangan pegawai melebihi kakitangan sokongan di UPE. Hampir 45% daripada keahlian BKSU pula terdiri daripada kakitangan sokongan gred 17 dan pegawai gred 41.

Secara khususnya, seksyen Sumber Asli dan Alam Sekitar serta seksyen Industri Perkhidmatan telah mencatatkan keahlian 100%. Beberapa seksyen pula mencatatkan keahlian melebihi 80% seperti seksyen K-Ekonomi, seksyen Ekonomi Makro dan seksyen Bajet Pembangunan. Manakala 3 seksyen mencatatkan keahlian kurang 50% daripada warga seksyen iaitu seksyen Sosial, seksyen Pengurusan Nilai dan seksyen Tenaga.

Sebanyak 56% daripada ahli BKSU memilih pemotongan bayaran keahlian melalui ANGKASA dan selebihnya menerusi bayaran tunai. Walau bagaimanapun, BKSU amat menggalakkan kesemua ahli membuat potongan melalui ANGKASA kerana ia akan memudahkan kesemua pihak terutama PTS yang perlu mengutip bayaran keahlian sama ada sekali atau 2 kali setahun. Ahli BKSU yang berpindah keluar UPE juga tidak perlu risau kerana BKSU sentiasa mengemaskini senarai keahlian dan akan membatalkan potongan ANGKASA dalam tempoh singkat. Di samping itu, terdapat 4 orang ahli BKSU memilih menjadi ahli seumur hidup.

Usaha meningkatkan keahlian ini akan diteruskan dari semasa ke semasa dengan kerjasama PTS agar sebarang aktiviti BKSU dapat dijalankan dengan lancar dan dinikmati oleh semua warga UPE. Oleh itu, sokongan daripada semua warga amat diperlukan dalam menjayakan kesemua aktiviti BKSU. Hidup ini amat singkat, nikmatilah dan hargailah ia semasa kita masih hidup.

Pendaftaran Keahlian BKSU (MANUAL PENGGUNA)

Borang Ahli  
BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN  
UNIT PERANCANG EKONOMI  
JABATAN PERDANA HEMTERI  
BLOK B5 & BLOK B6  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62502, PUTRAJAYA.  
Tel : 03 - 887 25255

Kepada : Setiausaha  
Badan Kebajikan dan Sukan  
Unit Perancang Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri  
Blok B5 & Blok B6  
Pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502, Putrajaya

Lengkapkan maklumat dibawah:  
*perlu diisi*

Permohonan menjadi :  Ahli Biasa  
 Ahli Bersekutu  
 Ahli Seumur Hidup

Nama Penuh

Alamat Seksyen

Poskod 62502  
Bandar Putrajaya

No Telefon (Pejabat)

Jantina  Lelaki  Perempuan

No Kad Pengenalan  cth: 750101964321

Tarikh Lahir  format : mm/dd/yyyy

Jawatan

Gred

Gaji RM

No. Gaji

Alamat rumah

Poskod

Bandar

No telefon (R/Hp)

Kaedah Pembayaran Yuran  Potongan Gaji  Tunai / Kutipan

Hak Cipta Terpelihara ©2010 | Teknologi Maklumat & Komunikasi  
PERANCANG : UNIT Teknologi Maklumat & Komunikasi sokongan berbilang-bahar terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang di alami kerana menggunakan laman ini

## Puspanita UPE

### Kejohanan Indoor Game

Pertandingan *indoor game* ini telah diadakan sepanjang bulan November 2010. Pertandingan ini meliputi permainan Batu Seremban yang diadakan pada 8 November 2010, Karom pada 9 dan 10 November 2010, Congkak pada 11 dan 12 November 2010 dan Dart yang diadakan pada 24, 25 dan 26 November 2010. Bagi permainan Batu Seremban, seramai tujuh orang peserta telah menyertainya. Seramai sepuluh orang telah menyertai pertandingan Karom, 13 orang menyertai pertandingan Congkak dan 15 orang menyertai pertandingan Dart. Penyertaan terdiri daripada seluruh ahli Puspanita UPE. Berikut adalah keputusan pertandingan.

| Kategori      | Pertama              | Kedua           | Ketiga        | Keempat          |
|---------------|----------------------|-----------------|---------------|------------------|
| Batu Seremban | Zaliha Yusof         | Suriani Othman  | Salwa Ramli   | Azizah Kidam     |
| Karom         | Zaliha Yusof         | Kamisah Lembek  | Rafidah Ayob  | Norhazilah Tahir |
| Congkak       | Zaliha Yusof         | Masuri Zulkifli | Azizah Kidam  | Ruchita Ramli    |
| Dart          | Zaharah Habu Hanesah | Habsah Mohd Isa | Herna Selamat | Norhaya Md. Zin  |



### Kejohanan Bowling

Kejohanan bowling Puspanita bagi tahun 2010 telah diadakan dengan jayanya pada 3 Disember 2010 bertempat di ARL Bowl, Alamanda Putrajaya. Seramai 40 orang ahli Puspanita telah menyertai kejohanan kali ini. Memandangkan penyertaan sangat menggalakkan sebanyak 10 hadiah telah ditawarkan. Keputusan pertandingan adalah seperti berikut :

|                |                         |                   |                  |
|----------------|-------------------------|-------------------|------------------|
| Johan          | : Zaliha Yusof          | Tempat Keenam     | : Salwa Ramli    |
| Naib Johan     | : Nur Asmah Mohd. Idris | Tempat Ketujuh    | : Suriani Othman |
| Tempat Ketiga  | : Fauziah Othman        | Tempat Kelapan    | : Sapiah Alias   |
| Tempat Keempat | : Mashitoh Darus        | Tempat Kesembilan | : Alita Abu      |
| Tempat Kelima  | : Nooraza Mohd. Noor    | Tempat Kesepuluh  | : Rafidah Ayob   |

## *Majlis Penyampaian Hadiah dan Majlis Perpisahan*

Majlis Penyampaian Hadiah dan Majlis Perpisahan ini telah diadakan serentak pada 9 Disember 2010 bertempat di Blok B5, UPE. Majlis penyampaian hadiah ini diadakan bagi menyampaikan hadiah kepada semua pemenang Kejohanan *Indoor Game* Puspanita UPE yang telah diadakan sepanjang bulan November 2010 dan juga hadiah kepada pemenang Kejohanan Bowling Puspanita yang telah diadakan pada 3 Disember 2010. Manakala Majlis Perpisahan pula diadakan bagi meraikan 9 orang ahli Puspanita UPE yang bersara dan bertukar keluar dari UPE. Majlis ini telah dimeriahkan dengan kehadiran Y.Bhg. Datin Wan Nor Hazaniah binti Wan Hassan selaku Pengerusi Puspanita UPE serta semua ahli Puspanita UPE.



## *Majlis Sambutan Hari Deepavali*

Bertarikh 21 Disember 2010, Majlis Sambutan Deepavali Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 6, Blok B6, UPE. Majlis ini dianjurkan oleh Y. B. Timbalan Menteri di UPE, JPM iaitu Datuk S.K. Devamany. Majlis ini diadakan bertujuan untuk meraikan perayaan Deepavali sebagai simbolik persediaan bagi melangkah ke tahun baru. Antara tetamu kehormat yang hadir ialah Y. B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Timbalan Menteri Datuk S.K. Devamany dan isteri Datin Saraswathy, Ketua Pengarah UPE, Dato' Noriyah Ahmad dan Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) Datuk Seri Dr. Ali Hamsa dan pihak pengurusan tertinggi UPE, JPM. Dalam majlis yang berlangsung selama 2 jam (12 tghari – 2 petang) tersebut, Dato' S.K. Devamany telah mengalungkan bunga malai kepada Y.B Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop sebagai tanda penghargaan atas kesudian beliau merasmikan majlis tersebut. Dalam kesempatan ini juga, Dato' S.K. Devamany selaku penganjur majlis telah menyampaikan cenderamata kepada Yang Berhormat Menteri, Ketua Pengarah UPE, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah UPE, Ketua Pengarah UKAS dan timbalan-timbalan Ketua Pengarah UKAS sebagai tanda penghargaan. Majlis ini kemudiannya diserikan dengan persembahan tarian daripada kumpulan THR dengan kerjasama Astana Creation. Dianggarkan lebih daripada 200 orang tetamu yang kebanyakannya warga UPE telah menghadiri Majlis Sambutan Deepavali 2010 kali ini.



# PROGRAM KEAGAMAAN JAWATANKUASA AGAMA

| Masa            | Aktiviti  |
|-----------------|---|
| <b>Januari</b>  |   |
| Minggu 1 :      | Tayangan VCD – Korban Cinta v1<br>Tayangan VCD – Korban Cinta v2  |
| Minggu 2 :      | Tayangan VCD – Meninggalkan Sembahyang Punca Kejahatan  |
| Minggu 3 :      | Tayangan VCD – Bercakap Benar   |
| Minggu 4 :      | Majlis Tahlil & Bacaan Yaasin   |
| <b>Februari</b> |   |
| Minggu 1 :      | Membantu menguruskan jenazah arwah Saidin b. Arifin di Putrajaya.<br>Tayangan VCD – Makanan pertama Ahli syurga |
| Minggu 2 :      | Tayangan VCD – Pagi-pagi beriman petang-petang kafir<br>Majlis Tahlil & Bacaan Yaasin                           |
| Minggu 3 :      | Tayangan VCD Sempena MAULIDUR RASUL   |
| Minggu 4 :      | Tayangan VCD-Kerana Mulut<br>Tayangan VCD-Allah yang mengajar Nabi s.a.w  |

## Perkahwinan dan Kelahiran



Nama Pegawai : Mazeeda bt. Abdul Rashid  
 Nama Pasangan : Mohd Fauzi b. Sabdin  
 Tarikh Perkahwinan: 19 November 2010



Nama Pegawai : Asmida Md Saad  
 Nama Pasangan : Aidiusman Mohamad Yushoff  
 Tarikh Perkahwinan: 26 November 2010



Nama Pegawai : Adilla Syafia bt. Ahmad Zailan  
 Nama Pasangan : Ahmad Akmal bin Ismail  
 Tarikh Perkahwinan: 18 Disember 2010



Nama Pegawai : Intan Rahayu binti Haji Abu Bakar  
 Nama Pasangan : Mohd Nur Iman bin Haji Zahaba  
 Tarikh Perkahwinan: 5 Februari 2011



Nama Pegawai : Afiza Idris  
 Nama Anak : Siti Nur Haihan  
 Tarikh Lahir : 29/10/2010



Nama Pegawai : Nursabeeha Abd Manap  
 Nama Anak : Nur Aleesya Qairina  
 Tarikh Lahir : 16/02/2011

## Senarai Lawatan ke Unit Perancang Ekonomi Sept 2010 - Feb 2011

|  |            |
|--|------------|
| Lawatan Daripada UiTM Melaka,UiTM Perlis & Politeknik Sultan Azlan Shah  | 30.9.2010  |
| Lawatan Peserta Kursus Pemahaman & Analisis Penunjuk Ekonomi   | 14.10.2010 |
| Lawatan Kursus <i>Leadership Development Programme</i> (INTAN)   | 28.10.2010 |
| <i>Study Mission By Senior Officials From Government Nepal</i>   | 28.10.2010 |
| Lawatan Sambil Belajar Daripada Kerajaan Sindh,Pakistan  | 8.12.2010  |
| Lawatan Pelajar Fakulti Ekonomi, Universiti Negeri Padang,Indonesia  | 3.12.2010  |
| Lawatan Dan Permintaan Maklumat Bagi Kajian Aktuari PERKESO  | 27.01.2011 |
| Lawatan Akademik Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Alor Gajah  | 17.01.2011 |
| Lawatan Akademik Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Bandaraya Melaka  | 17.01.2011 |
| Lawatan Akademik Universiti Putra Malaysia   | 22.02.2011 |
| Lawatan Akademik Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Dungun  | 24.02.2011 |
| Lanjutan Lawatan dan Permintaan Maklumat Bagi Kajian Aktuari PERKESO Bersama Pakar Perunding International Labour Organisation (ILO) | 03.03.2011 |

## Sidang Pengarang dan Penyumbang Berita

### Penasihat

Y.Brs Tuan Haji Allauddin bin Anuar

### Ketua Pengarang

Pn. Mashitoh binti Darus

### Ahli-ahli

Pn. Nursabeeha binti Abd Manap  
Cik Salmah binti Shukor  
En. Mohd Asruddin bin Mohd Rusli  
En. Ahmad Hamidi bin Mohamed  
Cik Nurain binti Abd Halim  
Cik Nor Sa'adah binti Jasimin

### Penyumbang Berita

En. Wan Ahmad Asmady Bin Wan Md Din  
En. Muhammad Hasri Bin Sazali  
Cik Saidatun Najmiah Mohd Jamil  
Pn. Norhaya binti Md Zin  
En. Mohd Yusoff bin Kamarudin  
En. Basri bin Mikon  
Pn. Yustinanitar Binti Ariffin  
Pn. Nur Hafiqah Binti Mohd Faris  
Pn. Zaharah binti Habu Hanesah  
Pegawai-pegawai Tadbir Seksyen

### Jurugambar

En. Ikmal Hijaz bin Nordin

### Aktiviti Akan Datang...

- EPU Family Day
- Pertandingan Bola Jaring
- Pertandingan Ping Pong

